

Buletin

# HEP

2011



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

*Edisi Khas Sempena Majlis Konvokesyen Ke-9*

## USIM JOHAN DEBAT PIALA PERDANA MENTERI 2011



*Menarik di dalam*

2010

Global Islamic Students Outreach (GISO)

- 3 Jejak Alumni
- 5 Profil Graduan Terbilang
- 7 Kecemerlangan Mahasiswa


Transformasi Kepimpinan Mahasiswa 19

Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2011 22





## YABHG. TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD DAN USIM



**“Saya percaya adanya penuntut-penuntut dalam Universiti ini adalah kerana kefahaman tentang tanggungjawab kita, bukan sahaja terhadap diri kita, tetapi kepada Islam dan masyarakat Islam keseluruhannya”**

Tun Dr. Mahathir Mohamad,  
Syarahan Perdana Sempena 10 Tahun USIM  
pada 9 Ogos 2010,  
Nilai, Negeri Sembilan



“Pada pengamatan saya, Universiti Sains Islam Malaysia adalah Universiti yang unik, lantaran integrasi ilmu yang ditawarkan dan falsafah yang menggabungkan ilmu wahyu dan ilmu yang diterokai oleh manusia serta konsep pembangunan insan holistik. Gabungan ilmu naqli dan aqli serta pembangunan ilmu dan insan yang menjadi landasan keilmuan Universiti ini adalah amat wajar dan sesuai sekali dengan tuntutan Islam dan keperluan semasa dan akan datang.”

Tun Dr. Mahathir Mohamad, Majlis Konvokesyen Khas USIM pada 24 September 2010, Sempena Pengahugerahan Ijazah Doktor Falsafah Kehormat Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat

## *Sidang Redaksi*

### **PENAUNG**

Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda  
*Naib Canselor*

### **PENASIHAT**

Profesor Dato' Dr. Mohamed Asin Dollah  
*Timbalan Naib Canselor*  
*(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)*

### **KETUA EDITOR**

Nasrul Hakim Ahmad  
*Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar*

### **EDITOR**

Muhammad Rahmat Abdullah  
Nurhazreen Mohd Noor  
Zaharah Zainal Abidin  
Ismail Ahmed  
Masni Md. Hasim  
Fadhilah Othman  
Siti Khadijah Mohamad  
Mohd Hazrul Fareeza Harun  
Dr. Mohd Hairulhisyam Ngatiman

### **EJEN BERITA**

Wanza Mohamad  
Fathiah Yaakop  
Ieda Sururi  
Lisa Kasni

### **PENERBIT**

Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
Nilai, Negeri Sembilan  
Tel : 06-798 6157  
Faks : 06-798 6155

## Alumni USIM Realisasi USIMKRA1

Lahir sebagai seorang graduan berimejkan Islam bukan penghalang kepada Mohd Sharizal Kadir, Alumni USIM 2006 untuk melakar kejayaan seperti graduan lain. Kecemerlangan akademik di samping aktif dalam aktiviti ko-kurikulum merupakan tiket untuk beliau terus mengatur langkah ke hadapan dan seterusnya berjaya menempatkan diri di alam kerjaya. Beliau yang lebih mesra disapa Sharizal telah membuktikan bahawa graduan USIM mampu bersaing dan setanding dengan graduan daripada institusi pengajian tinggi yang lain.

Kesibukan beliau ketika menempuh alam pengajian di USIM (2004-2006) di samping komitmen dan tanggungjawab sebagai seorang suami pada usia yang muda bukanlah faktor penghalang untuk beliau bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti ko-kurikulum anjuran USIM seperti Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Pertandingan Pidato, selain bergiat cergas bersama Kelab Debat.

“Perlu yakin dan ada daya keinginan untuk bersaing. Itu prinsip atau kata kunci yang saya pegang dalam mencari potensi diri,” ujar Sharizal.

Menyentuh tentang Bidang Keberhasilan Utama (USIMKRA1) iaitu melahirkan graduan yang holistik dan berdaya gaji tinggi, Sharizal melihat KRA yang diketengahkan USIM adalah satu pendekatan yang sangat baik dalam usaha memperkasakan diri mahasiswa. Harapan beliau sebagai salah seorang Alumni USIM agar generasi mahasiswa USIM dapat menjayakan aspirasi murni tersebut.

Alam kerjaya Sharizal bermula sejourus menamatkan pengajian di Malaysia Airport Berhad (MAB) sebagai Duta Kecil Negara kepada pelancong yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Beliau kemudiannya menyertai Perkhidmatan Awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada tahun 2007 dan mula berkhidmat selaku Setiausaha Sulit kepada Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada tahun 2008.

Pencapaian Sharizal bukan semudah yang disangka kerana ia menuntut seribu satu pengorbanan dari segi mental dan fizikal. Walaubagaimanapun, Sharizal merasakan pencapaian beliau sekarang masih tidak memadai untuk menerima pengiktirafan daripada masyarakat. Baginya, beliau perlu mempertingkatkan lagi ilmu yang sedia ada ke peringkat yang lebih tinggi. Sharizal berhasrat untuk menjadi seorang yang pakar dalam bidang yang diceburinya sekarang selain bercita-cita untuk menyambung pengajiannya ke peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah.

“Manfaatkan waktu dan ruang yang ada di kampus sebaiknya. Jangan sisihkan aktiviti ko-kurikulum kerana penglibatan mahasiswa dalam kelab persatuan adalah merit untuk diterima dalam bidang kerjaya kelak”.

“Suka juga untuk saya ketengahkan agar para mahasiswa dapat memantapkan kemahiran bahasa kerana dengan menguasai bahasa ia menjadi satu nilai tambah yang berharga dan berkualiti,” ujarnya mengakhiri perbualan.



### Sepintas Sharizal, Alumni USIM 2006

**Nama:** MOHD SHARIZAL BIN KADIR

**Asal :** Triang, Pahang

**Status :** Berkahwin

**Tarikh Lahir :** 12 Julai 1981

**Kerjaya :** Setiausaha Sulit Kepada  
YB Menteri Pertahanan

#### **Pendidikan Awal :**

- Sekolah Kebangsaan Felda Sungai Kemahang, Triang, Pahang.
- Sekolah Menengah Agama Chenoh, Pahang.
- Diploma Tahfiz dan Qiraat, Maahad Tahfiz Negeri Pahang.
- Diploma Pengurusan Awam (DPA), Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
- Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian, Universiti Sains Islam Malaysia (2006)



## USIM Lahirkan Generasi Al-Abrar

Penglibatannya secara aktif dalam pelbagai aktiviti ko-kurikulum ketika menuntut di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) adalah antara faktor yang membawanya kepada kerjayanya kini. Beliau yang pernah menyandang jawatan Naib Yang DiPertua, Majlis Perwakilan Pelajar 2002/2003 mengakui, bukan mudah untuknya mengharungi pelbagai ujian sebelum diberi kepercayaan selaku Pengurus Badan Amal Nur Zaharah (BANZ) di Janda Baik, Pahang.

Melihat keikhlasan dan kesungguhan Yahya Yusof, 29, menguruskan rumah amal tersebut, nyata jiwanya penuh kasih sayang dan amat prihatin terhadap anak-anak kurang bernasib baik yang menghuninya. Kini, BANZ merupakan tempat berlindung kepada anak-anak yatim, fakir dan miskin selain mangsa penceraian dan penderaan.

"Penghuni di rumah amal ini saya anggap seperti anak-anak dan adik-adik saya sendiri. Kami sedia mengambil anak-anak ini untuk dijaga dan memberikan pendidikan sebaik mungkin walau apa pun latar belakang mereka. Selagi mereka ini adalah anak-anak yatim, susah, mangsa dera atau seumpamanya, mereka layak menghuni rumah amal ini," katanya.

Kini, sudah enam orang pelajar dari BANZ telah berjaya melanjutkan pengajian ke Institusi Pengajian Tinggi. Melihat anak-anak ini berjaya hingga ke menara gading adalah suatu yang amat manis buat beliau untuk disimpan dalam lipatan memori.

Menceritakan kembali saat-saat beliau bergelar seorang mahasiswa, beliau bersyukur kerana pengalaman yang telah dilalui waktu tersebut adalah sangat bererti dan begitu bermanfaat dalam kerjayanya hari ini.


"Ilmu dan aktiviti dalam ko-kurikulum sangat penting pada saya. 100% pengalaman daripada aktiviti inilah yang saya guna dan juga telah terbukti berjaya meningkatkan potensi diri dalam menguruskan sebuah organisasi berorientasikan kebajikan," katanya.

"Selepas tamat pengajian, apa yang penting adalah tidak terlalu memilih kerjaya dan sentiasa merebut peluang yang datang, baru kita jelas tentang potensi diri kita yang sebenar," katanya lagi.

Berpegang kepada prinsip 'kerja bukan disebabkan gaji' adalah rahsia mengapa beliau sanggup dan berazam untuk terus menguruskan BANZ ini.

Di akhir bicaranya, beliau menyeru mahasiswa USIM agar menimba ilmu baru sebanyak mungkin sebagai nilai tarikan dalam diri. Harapannya juga supaya ilmu-ilmu yang diperolehi itu dapat dimanfaatkan untuk negara, agama dan bangsa.

\* Bantuan kepada Badan Amal Nur Zaharah boleh disalurkan ke akaun Maybank 564726100594 \*



### Sepintas Yahya, Alumni USIM 2004

**Nama** : Yahya bin Yusof  
**Asal** : Kemboja, membesar di Pekan, Pahang  
**Tarikh lahir** : 6 Disember 1982  
**Umur** : 29 tahun  
**Status** : Berkahwin  
**Kerjaya** : Pengurus Rumah Kebajikan Badan Amal Nur Zaharah

### Pendidikan :

- Sek. Men. Agama Ganchong, Pekan Pahang
- Maahad Sultan Ahmad Shah, Jengka Pahang
- Kuliah Sultan Abu Bakar, Pekan
- Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian, Universiti Sains Islam Malaysia (2004)



## Mohd Shahrul Faizie Zaini

Beliau dilahirkan di Muar, Johor pada 10 November 1986. Anak kedua daripada lima beradik ini telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Panjang Sari di Muar, Johor. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Perak juga di Muar. Selepas menamatkan pengajian di peringkat menengah, beliau telah meneruskan pengajian di peringkat diploma dalam bidang Da'wah Islamiyyah di Universiti Darul Iman (sekarang dikenali sebagai Universiti Sultan Zainal Abidin) di Kuala Terengganu pada tahun 2004. Oleh kerana minat yang mendalam, beliau telah meneruskan pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia pada tahun 2007 dalam program Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian.

Pemergian bapa kesayangannya ke rahmatullah pada tahun 2005 tidak mematahkan semangat beliau untuk meneruskan pengajian. Berkat tunjuk ajar dan semangat yang dititipkan oleh ibunya, beliau telah mempamerkan kecemerlangan akademik sehingga berjaya meraih Anugerah Dekan pada setiap semester sepanjang empat tahun pengajian di USIM. Apa yang lebih membanggakan ialah beliau berjaya meraih Purata Nilai Gred Semester (PNGS) 4.00 sebanyak tiga kali dan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) terakhir beliau ialah 3.93 yang melayakkan beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian Kelas Pertama.

Beliau bukan sahaja menunjukkan kecemerlangan dalam akademik, malah beliau turut aktif dalam aktiviti ko-kurikulum. Beliau di antara lapan mahasiswa IPTA Malaysia yang mengikuti program Kembara Da'wah anjuran JAKIM merentasi tiga negara ASEAN iaitu Singapura, Indonesia dan Brunei, membincangkan isu-isu Islam semasa pada Oktober 2010. Pada tahun yang sama, beliau turut membentangkan kertas kerja yang bertajuk "Cinta Remaja Muslim Sebagai Benteng Menangani Masalah Sosial" sempena Persidangan Antarabangsa Da'wah dan Pengurusan Islam (IC-DAIM) di Palace of The Golden Horses, Kuala Lumpur.

Selain itu, beliau berjaya meraih Anugerah Kelayakan Integriti daripada Institut Integriti Malaysia (IIM) 2009, Naib Johan Kategori Bahasa Inggeris dalam Kejohanan Debat Piala Naib Canselor 2009 dan Pingat Emas dalam Kejohanan Sepak Takraw (SUFA) 2009.

Penerima Biasiswa Yayasan Tunku Abdul Rahman (YTAR) ini juga turut bergiat aktif di fakulti di mana beliau telah dilantik selaku Yang DiPertua Persatuan Dakwah selama dua tahun (2008-2009) dan seterusnya selaku Yang DiPertua Persatuan Mahasiswa Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan selama sepenggal (2010).

Sepanjang bergelar mahasiswa di USIM, telah banyak kenangan manis yang dilaluinya. Antaranya adalah



apabila beliau berpeluang untuk menemubual individu-individu tersohor di USIM termasuklah Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Hj. Md. Noor, Naib Canselor USIM, Profesor Dato' Dr. Muhamad Muda dan Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin ketika bertugas selaku penyampai radio di USIMfm dalam segmen Temubual Eksklusif. Peluang yang diraih ini telah melatih diri beliau untuk menjadi lebih berkeyakinan dan bermotivasi tinggi.

Beliau menyimpan tekad untuk menjadi remaja contoh agar kehidupan sebagai remaja dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Buktinya, pelajar terbilang ini turut melibatkan diri dalam kegiatan sosial dan kemasyarakatan. Keprihatinannya terhadap golongan yang telah menjadi mangsa penderaan, penganiayaan, pengabaian dan tekanan psikologi telah mendorong beliau untuk bersama-sama menabur bakti sebagai sukarelawan di Raudhatus Sakinah di Selangor dan di Yayasan Kasih Sayang di Negeri Sembilan.

Mendapat tawaran pekerjaan di stesen TV AlHijrah telah menunjukkan bahawa beliau sememangnya pelajar yang berpotensi tinggi. Jawatan yang disandang sebagai Penolong Penerbit dan bertindak selaku pengacara rancangan-rancangan seperti Bual Bicara Assalamualaikum, Misteri Alam Melayu, Kes Akidah dan Kapsul Tazkirah Jalan telah berjaya membuktikan bahawa graduan USIM sememangnya berkualiti dan mempunyai kebolehpasaran yang tinggi di alam pekerjaan.



## PROFIL GRADUAN TERBILANG

### Muhammad Firdaus Ab Rahman



Anak kelahiran Pulau Pinang ini dilahirkan pada 18 Disember 1986. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Rendah Tunku Abdul Rahman, Kulim Kedah. Pada tahun 2003, beliau kemudiannya meneruskan pengajian di peringkat menengah di Institut Tahfiz Malaysia Sudan (ITMS), Bangi. Semangat kecintaan yang mendalam terhadap pengajian Islam telah mendorong beliau untuk mendapatkan Diploma Syariah dan Undang-Undang di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Bangi dan telah bergraduat pada tahun 2007. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian dalam program Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa dengan Kepujian di Universiti Sains Islam Malaysia pada tahun 2007.

Beliau sangat aktif dan cemerlang dalam pelbagai aktiviti dan program anjuran USIM di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa sehingga pasukan debat yang diwakilinya dinobatkan sebagai Johan Kategori Bahasa Arab di dalam Pertandingan Debat Piala Diraja Antara IPTA 2010 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Kecintaannya terhadap Bahasa Arab telah mendorong beliau untuk

mempromosikan Debat Bahasa Arab ke pelbagai Institusi Pengajian Tinggi di rantau Asia Tenggara.

Beliau menggunakan ruang waktu dengan sepenuhnya untuk memberi tumpuan kepada pelajaran sehingga berjaya memperolehi Anugerah Dekan lapan semester berturut-turut. Kecemerlangan beliau tidak terhad kepada pencapaian akademik sahaja, tetapi juga dalam bidang kepimpinan. Beliau telah diberi kepercayaan untuk memegang pelbagai jawatan dalam badan dan persatuan di USIM. Antaranya Exco Akademik dan Linguistik Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi Akademik 2008/2009 dan Pengerusi Kelab Syariah dan Undang-Undang (SLC) pada Sesi Akademik 2010/2011.

Di atas kelebihan beliau sebagai pelajar yang sangat efisien dan berketrampilan, USIM bersetuju memilih beliau untuk menjalani Latihan Industri di Mujamma' Al-Syeikh Ahmad Kiftaro, Damsyik, Syria selama 5 bulan pada 10 Januari hingga 5 Mei 2011. Kepercayaan USIM kepada beliau digunakan sepenuhnya di sana sehingga beliau mendapat pujian dan maklum balas yang amat baik daripada institusi tersebut.

Berdasarkan kecemerlangan beliau, Muhammad Firdaus telah ditawarkan skim Felo Siswazah di USIM dan kini beliau sedang menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang Syariah di Universiti Malaya.



Debat dan Pidato

Johan Pertandingan  
Pidato Kemerdekaan,  
16-18 September 2011,  
Serdang, Selangor.



Johan Pertandingan  
Bahas Pendidikan  
Islam Universiti-  
Universiti ASEAN, 20-  
21 Julai 2011, Bandar  
Seri Begawan, Brunei  
Darussalam.



Johan Pertandingan  
Pidato Terbuka  
Kenyaling, 28  
Oktober-1 November  
2011, Kuching,  
Sarawak.



Naib Johan Pertandingan Debat  
Perdana Integriti 2011, 17-21 Mac  
2011, Sintok, Kedah.



Johan  
Pertandingan  
Debat Alam  
Sekitar, 24-27  
September 2011,  
Melaka



Johan Pertandingan  
Debat Piala  
Perdana Menteri,  
20-25 Oktober 2011,  
Gombak, Selangor.

Naib Johan  
Pertandingan Debat  
Terbuka INTEC, 14-16  
Oktober 2011, Shah  
Alam, Selangor.





## Nasyid

Johan Festival Nasyid  
Universiti (FENU'11) Piala  
Naib Canselor UiTM,  
dan Anugerah Vokal serta  
Persembahan Terbaik,  
12 Mac 2011



Johan Pertandingan NasyidBest anjuran Jabatan  
Kemajuan Islam Malaysia, 29 Oktober 2011



Johan Pertandingan Nasyid Program Aspirasi Nurani 2011  
dan Anugerah Persembahan Terbaik, 9 April 2011



Naib Johan Pertandingan Nasyid Ihtifal Institusi  
Pengajian Tinggi ASEAN 2011, 10 - 14 November 2011



Tempat Ketiga Festival Nasyid Majlis Kebudayaan  
Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2011,  
30 Oktober 2011

## Sayembara Puisi

Naib Johan Pertandingan Sayembara  
Puisi IPT Sempena Kempen Kami  
Prihatin "Apakah Dosaku",  
23 - 24 Januari 2011



## Keroncong



Johan Festival Keroncong Peringkat IPTA Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2011, 25 – 28 Februari 2011



Anugerah Vokal Terbaik (Suara Emas), Festival Keroncong Peringkat IPTA Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM), 25-28 Februari 2011

## Lagu Patriotik

Johan Kategori Lagu Terbaik Pertandingan Cipta Lagu dan Nyanyian Solo Lagu Patriotik Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2011, 23-25 September 2011



## Tilawah Al-Quran



Johan Qari, Ihtifal Institut Pengajian Tinggi ASEAN 2011, 10-14 November 2011



Tempat Ketiga Qari, Majlis Perujian Tilawah Al-Quran 2011, 7-9 Oktober 2011

## Seni Khat

Johan Pertandingan Seni Khat Sempena Majlis Perujian Tilawah Al-Quran 2011, 7-9 Oktober 2011



Naib Johan Qariah, Majlis Perujian Tilawah Al-Quran 2011, 7-9 Oktober 2011 dan Naib Johan Pertandingan Seni Khat Sempena Majlis Perujian Tilawah Al-Quran 2011, 7-9 Oktober 2011



## REHLAH NUSANTARA 2011: INDONESIA

23-29 Mei 2011, Kelab Debat, Bahagian Hal Ehwal Pelajar

17 anggota delegasi menyertai rehlah ini yang turut diiringi oleh tiga (3) orang jurulatih debat yang berminat mempromosikan Pertandingan Debat Bahasa Arab Antara Institusi Pengajian Tinggi ASEAN 2011. Antara aktiviti tumpuan GISO adalah mengadakan gotong royong masjid dan agihan sumbangan derma kepada Masjid Istiqamah di Bandung dan Masjid Al-Azhar di Jakarta.





## EKSPEDISI JEJAK ISLAM 2011: INDONESIA

5-11 Mei 2011, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan

17 anggota delegasi menyertai ekspedisi ini diiringi dua (2) pegawai pengiring. Antara aktiviti tumpuan GISO adalah menziarahi dan berdialog dengan Pusat Dakwah Muhammadiyah di Batam, ramah mesra bersama anak yatim di Pantri Asuhan Yayasan Darul Aitam serta promosi USIM secara langsung di Radio Serumpun FM, Batam.





## PENGEMBARAAN ILMIAH MERENTAS ASIA 2011 : EMIRIAH ARAB BERSATU

22-29 Mei 2011, Jawatankuasa Kebajikan Siswa-Siswi Kolej Kediaman Sutera Indah

14 anggota delegasi menyertai penjelajahan ini dengan diiringi seorang pegawai pengiring. Antara aktiviti tumpuan GISO adalah khidmat sosial bersama penghuni Al-Ain Center For Humanitarian Care and Special Needs, Dubai dan gotong royong membersihkan Masjid Sheikh Zayed, Dubai.






## LAWATAN INTELEK MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR 2011: AUSTRALIA

22-29 Mei 2011, Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2010

10 anggota delegasi menyertai lawatan ini yang terdiri daripada ahli Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2010 dan seorang pegawai pengiring. Antara aktiviti tumpuan GISO adalah *Mini Ibadah Camp* melibatkan anak-anak warga Malaysia yang berumur 12 tahun ke bawah yang bermastautin di sekitar Perth.





# LAWATAN KECEMERLANGAN SENI BUDAYA 1DUNIA 2011: VIETNAM

24-30 September 2011, Urus Setia Kebudayaan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar



20 anggota delegasi menyertai lawatan ini dengan diiringi tiga (3) orang pegawai pengiring. Antara aktiviti tumpuan GISO adalah khidmat seni budaya dan pertunjukan kebudayaan di rumah orang-orang tua di Ho Chin Minh City.





## MISI KEMANUSIAAN 2011: KEMBOJA DAN VIETNAM

11-17 Julai 2011, Urus Setia Latihan Pembangunan Mahasiswa,  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar

27 anggota delegasi dijangka menyertai misi ini dengan diiringi dua (2) orang pegawai pengiring. Antara aktiviti tumpuan GISO adalah pembinaan wakaf perigi, agihan beras, membaiki sekolah agama dan rumah usang di kawasan perkampungan Muslim, agihan telekung dan sejadah untuk masjid, kenduri rakyat dan pembelajaran 3M di Kampung Terapung Air Tasik Tonle Sap dan Kampung Chao Phong.





### LAWATAN ILMIAH KE BEIJING, CHINA

22-28 Julai 2011, Jawatankuasa Kebajikan Siswa-Siswi Kolej Kediaman Desa Jati

14 anggota delegasi menyertai lawatan ini dan diiringi oleh seorang pegawai pengiring. Antara aktiviti tumpuan GISO adalah *academic outreach*, sesi dialog bersama pemuda-pemudi Muslim tempatan dan gotong-royong membersihkan masjid.





## KEMBARA ILMU KE KOREA SELATAN 2011

18-24 Julai 2011, Jawatankuasa Kebajikan Siswa-Siswi Kolej Kediaman 1

20 anggota delegasi menyertai kembara ini dengan diiringi dua (2) orang pegawai pengiring. Antara aktiviti tumpuan GISO adalah *academic outreach* di Prince Sultan Islamic Preschool dan khidmat komuniti di Masjid Itae Won, Seoul.






## MAHASISWA USIM MERENTASI ASEAN 2011: FILIPINA

13-19 Jun 2011, Sekretariat Kesukarelawan Malaysia dan Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia, Bahagian Hal Ehwal Pelajar

19 anggota delegasi menyertai MUSIM MASEAN di Filipina ini dengan diiringi empat (4) orang pegawai pengiring dan berbentuk khidmat komuniti sepenuhnya di penempatan Islam di Marikina, Maharlika Islamic School, Islamic Studies, Call and Guidance School dan Women Correctional Institute. Aktiviti tumpuan GISO termasuklah penyerahan sumbangan barangan keperluan harian daripada warga USIM serta melukis mural dan membersihkan kawasan sekolah yang menempatkan anak-anak muslim tempatan.



## TRANSFORMASI KEPIMPINAN MAHASISWA



Program Transformasi Kepimpinan Mahasiswa (PTKM) merupakan salah satu Projek Rangsangan 2011 yang telah dicetuskan oleh Naib Canselor USIM dan dikendalikan sepenuhnya oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) USIM. Seramai 100 orang peserta telah dipilih untuk menyertai program ini. Majlis Pelancaran PTKM telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Datuk Ab. Rahim Md. Noor, Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi pada 19 Oktober 2011.

Antara objektif utama yang ingin direalisasikan melalui program ini adalah untuk membuka perspektif peserta kepada elemen-elemen pelengkap kepimpinan, meluaskan pemikiran peserta agar berpandangan jauh ke hadapan dan membentuk sifat-sifat al-Abrr atau berbakti dalam diri peserta.

Tiga elemen pelengkap kepimpinan yang telah diketengahkan melalui program ini adalah elemen kesedaran khidmat sosial, kesedaran pemuliharaan alam sekitar dan kesedaran kepenggunaan.

Aktiviti-aktiviti PTKM telah pun bermula pada awal Oktober yang lalu di mana para peserta dibawa ke Pusat Sehenti Intervensi, Yayasan Kebajikan Negara untuk golongan gelandangan di Kuala Lumpur pada 7, 8, 14 dan 15 Oktober 2011. Peserta juga berpeluang untuk merasai sendiri pengalaman turun ke jalanan dan mengagihkan makanan percuma kepada golongan gelandangan di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur.

USIM dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran, Negeri Sembilan juga telah mengorak langkah dengan menghantar sebahagian peserta ke Sungai Temiang, Seremban pada 16 dan 19 Oktober yang lalu untuk diberi pendedahan tentang pemuliharaan sungai. Peserta telah diperkenalkan dengan satu teknologi baru dalam proses pembersihan dan penjernihan air sungai iaitu bebola lumpur yang dikenali sebagai EM Mudballs. Menerusi aktiviti ini, para peserta berpeluang membuat sendiri EM Mudballs dan melontarkannya ke Sungai Temiang.

Para peserta juga telah dibawa ke Teluk Kemang, Port Dickson untuk melestarikan aktiviti pembersihan pesisir pantai yang merupakan salah satu daya tarikan menarik di Negeri Sembilan.





**Pembersihan Sungai Temiang, Seremban**



Pengagihan Makanan  
Kepada Golongan  
Gelandangan



Pembersihan Pantai Teluk Kemang,  
Port Dickson





### IHTIFAL INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI ASEAN 2011



Seramai 225 peserta dari 22 Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN berkampung di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) selama lima hari mulai 10-14 November 2011 bersempena dengan Ihtifal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN 2011.

Ihtifal ini dengan kerjasama Bahagian Dakwah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) ini adalah julung-julung kalinya diadakan dengan menghimpunkan empat acara utama iaitu Pertandingan Debat Bahasa Arab IPT ASEAN, Pertandingan Tilawah al-Quran IPT ASEAN, Pertandingan Nasyid IPT ASEAN dan Persidangan Belia Islam Sedunia.

Semenjak tahun 2007, USIM telah menganjurkan sebanyak empat kali pertandingan Debat Bahasa Arab di peringkat IPT ASEAN. Untuk memperluaskan kemeriahan dan impak pertandingan tersebut, USIM mengambil inisiatif untuk menganjurkan tiga lagi acara yang saling lengkap-melengkapi iaitu Tilawah al-Quran, Nasyid dan Persidangan Belia Islam Sedunia dengan menghimpunkan peserta-peserta daripada IPT ASEAN.



Dengan bertemakan *Belia Islam Pemangkin Transformasi Ummah*, antara signifikan bagi setiap acara yang dianjurkan ini adalah untuk menonjolkan model kesenian Islam di samping menajamkan bakat para belia serta melahirkan generasi belia Islam yang memiliki elemen-elemen penting seperti kekuatan semangat dan daya juang yang tinggi, luas penguasaan ilmu serta berkeupayaan untuk memimpin anggota masyarakat dan seterusnya berperanan sebagai pemangkin kepada agenda transformasi negara dan ummah.

Majlis Perasmian Penutupan Ihtifal IPT ASEAN 2011 ini disempurnakan oleh YB Mejar Jeneral Dato' Seri Jamil Khir Hj. Baharom (B) Menteri di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Mentor kepada USIM .



# Pesta KONGVO

Utusan Malaysia

Mingguan Malaysia

USIM



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية في ماليزيا  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



## • 1-4 Disember 2011 • Stadium Tertutup Nilai

**Pertandingan Karaoke**  
3-4 Disember 2011

### Hadiah

Pertama : RM 1,000.00  
Kedua : RM 800.00  
Ketiga : RM 500.00  
Saguhati x3 : RM 100.00

#### Syarat Penyertaan

- Yuran penyertaan adalah sebanyak RM5.00
- Individu yang membeli produk Kumpulan Utusan bernilai RM5.00 dan ke atas juga layak menyertai pertandingan ini.
- Terhad kepada 60 penyertaan sahaja.
- Saringan : 3 Disember 2011 (Sabtu) Akhir : 4 Disember 2011 (Ahad)
- Pendaftaran: 03-8924 9968 / 9977 (Yusum) 03-9221 0202 (Ikhlo)

**Pertandingan Nasyid Terbuka**  
3 Disember 2011

### Hadiah

Pertama : RM 1,000.00  
Kedua : RM 750.00  
Ketiga : RM 500.00  
Saguhati x17

#### Syarat Penyertaan

- Terbuka kepada individu yang berumur 18 tahun ke atas.
- Setiap pasukan perlu mempunyai 8 orang ahli dan terhad kepada 20 pasukan terawal sahaja.
- Yuran penyertaan adalah sebanyak RM300.
- Setiap pasukan perlu membawa satu lagu sahaja dan hanya menggunakan 'music one' sahaja.
- Pendaftaran: 013-353 6610 (Izzat Majid)

**Pertandingan Memancing Terbuka**  
4 Disember 2011

### Hadiah

Pertama : RM 3,000.00  
Kedua : RM 2,500.00  
Ketiga : RM 2,000.00  
Keempat : RM500.00  
Ke5-Ke20 : RM200.00  
Ke21-Ke40 : Hamper

#### Syarat Penyertaan

- Terbuka kepada individu yang berumur 18 tahun ke atas.
- Yuran penyertaan adalah sebanyak RM300.00 satu joran.
- Terhad kepada 500 penyertaan sahaja.
- Tertakluk kepada syarat & peraturan oleh pihak penganjur.
- Pendaftaran: 012-264 2641 (ARI)

**Pertandingan Mewarna Kanak-kanak**  
4 Disember 2011

### Hadiah

Syarat Penyertaan  
• Terbuka kepada kanak-kanak berumur 5 - 12 Tahun  
• Yuran Penyertaan adalah sebanyak RM 5.00  
• Penyertaan terbahagi kepada 3 kategori- Kategori 1: Pra-Sekolah (5 - 6 tahun) Kategori 2: Tahap 1 (7 - 9 tahun) Kategori 3: Tahap 2 (10 - 12 tahun)  
• Peralakan mewarna adalah bebas dan perlu dibawa sendiri oleh peserta  
• Keputusan juri adalah muktamad  
• Lokasi:  
3 Disember (Sabtu) PICC, Putrajaya  
4 Disember (Ahad) Stadium Tertutup Nilai  
• Pendaftaran: 03-8924 9968 (Yusum) 06-767 2979 (Jai)

Kategori 1:  
1X Alat Tulis + Hamper  
Kategori 2:  
1X Basikal  
Kategori 3:  
1X Basikal

**Karnival Kertaya (CAREX)**  
1-3 Disember 2011

### Hadiah

1-3 Disember 2011

**Konsert Panca Indera**  
3 Disember 2011

### Hadiah

1-3 Disember 2011

**Siaran Langsung GEN-Y**  
2.00 petang  
3 Disember 2011

**Gerak Jari**

**Permainan Dart**  
**Demonstrasi Masakan**  
**Studio Penghias Wajah**  
**Karibatur**

**Auto Show Peting Show**  
3 Disember 2011

**Pameran Model Islamik Peniagaan & Pengurusan Kesihatan**  
PICC Putrajaya  
3 Disember 2011

**Sesi Bersama Artis**  
4.00 petang  
3-4 Disember 2011

**Jualan Harga BUNYUHK Produk Utusan**  
4 Disember 2011

**Kejohanan Futsal Terbuka**  
4 Disember 2011

**Hadiah**  
Johan : RM 1,000.00  
Kedua : RM 500.00  
Ketiga & Keempat : RM 150.00

#### Syarat Penyertaan

- Kategori lelaki sahaja. Terbuka kepada mana-mana pasukan futsal yang bermatlamat.
- Setiap pasukan di benarkan mendaftar tidak lebih daripada 10 orang sahaja.
- Yuran penyertaan setiap pasukan RM100.
- Lokasi:  
Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM  
• Pendaftaran: 013-969 7206 (Izzat Najihah)

**Kejohanan Bola Jaring Terbuka**  
4 Disember 2011

**Hadiah**  
Johan : RM 1,000.00  
Kedua : RM 500.00  
Ketiga & Keempat : RM 150.00

#### Syarat Penyertaan

- Kategori wanita sahaja. Terbuka kepada mana-mana pasukan bola jaring yang bermatlamat.
- Setiap pasukan di benarkan mendaftar tidak lebih daripada 10 orang sahaja.
- Yuran penyertaan setiap pasukan RM100.
- Lokasi:  
Kompleks Sukan Tunku Najihah, USIM  
• Pendaftaran: 013-969 7206 (Izzat Najihah)

Jom ramai-ramai ke Pesta Kongvo USIM!